



**SOALAN LAZIM (FAQ's)**  
**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

1. **Adakah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan beroperasi seperti biasa?**

Sebagai langkah mengawal penularan wabak COVID-19 dan selaras dengan Arahan Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pegawai MOSTI akan berkerja dari rumah. Sebarang soalan berkaitan program/aktiviti kementerian boleh dipanjangkan melalui emel atau membuat panggilan ke talian hotline kementerian di 03-8885 8522.

2. **Adakah premis di bawah MOSTI yang dibuka kepada orang awam masih boleh dikunjungi?**

Ibu Pejabat dan semua Jabatan/Agensi di bawah MOSTI seperti Pusat Sains Negara (PSN) dan Planetarium Negara ditutup sementara mulai 16 Mac 2020 hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

3. **Apakah program-program MOSTI yang melibatkan perhimpunan ramai seperti Minggu Sains Negara akan diteruskan?**

Semua program MOSTI yang melibatkan orang perhimpunan ramai ditangguhkan dan sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

4. **Bagaimanakah pemegang lesen orang awam boleh mendapatkan perkhidmatan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Pemegang lesen dan orang awam masih boleh menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh LPTA melalui Sistem eLesen eSPP di atas talian ataupun melalui emel. Sebarang permasalahan boleh hubungi *Person In Charge* (PIC) seperti berikut:

## **Bahagian Penilaian dan Perlesenan**

1. Encik Fedrick Charlie Matthew Brayon – [fedrick@aelb.gov.my](mailto:fedrick@aelb.gov.my)
2. Encik Muhammad Hassyakirin Hasim – [kirinhasim@aelb.gov.my](mailto:kirinhasim@aelb.gov.my)
3. Encik Muhammad Redza Fahmi Rosdi – [redza@aelb.gov.my](mailto:redza@aelb.gov.my)

## **Bahagian Kawalselia Sinaran**

1. Dr. Suhana Jalil – [suhana@aelb.gov.my](mailto:suhana@aelb.gov.my)
2. Encik Mohd Hazmin Safiyudin Abdullah – [hazmin@aelb.gov.my](mailto:hazmin@aelb.gov.my)

## **Unit *information and Communications Technology* (ICT)**

1. Encik Hafiz Hadzori – [hafizh@aelb.gov.my](mailto:hafizh@aelb.gov.my)

## **Unit Kewangan**

1. Cik Norjehan Abdullah – [norjehan@aelb.gov.my](mailto:norjehan@aelb.gov.my)

5. **Adakah permohonan penawaran Dana MySI yang ditutup pada 20 Mac 2020 akan dilanjutkan tempoh?**

Tarikh tutup permohonan Penawaran Dana MySI telah dilanjutkan sehingga 7 April 2020. Permohonan boleh dibuat melalui portal [emysi.mestecc.gov.my](http://emysi.mestecc.gov.my).

6. **Adakah pegawai kementerian dibenarkan memasuki premis pejabat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

Pegawai perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak pengurusan kementerian untuk memasuki premis sekiranya terdapat keperluan mendesak.

7. **Adakah invois tuntutan yang dikemukakan oleh pembekal bagi perkhidmatan yang telah disempurnakan akan diproses dalam PKP?**

Invois tuntutan bayaran akan diproses sewajarnya.

8. **Bagaimana kedudukan tender atau sebut harga yang telah dipelawa tetapi tarikh tutupnya dalam tempoh PKP?**

Tarikh tutup tender atau sebut harga telah dilanjutkan sebagaimana hebahan yang telah dibuat melalui platform pelawaan dibuat.

9. **Bagaimana kedudukan tender atau sebut harga yang telah tamat tempoh sah laku dalam tempoh PKP?**

Tarikh sah laku tender atau sebut harga telah dilanjutkan sebagaimana hebahan yang telah dibuat melalui platform pelawaan dibuat.

10. **Adakah taklimat tender atau sebut harga yang dijadualkan dalam tempoh PKP akan diteruskan?**

Tidak. Taklimat tender atau sebut harga akan dijadualkan semula.

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**19 MAC 2020**